

17/04/1998

Wisma Abrar pusat multimedia di Kelantan

ABRAR Group International Sdn Bhd (Abrar) berhasrat menjadikan wismanya yang berharga RM13 juta, di Kota Bharu, sebagai pusat perkhidmatan kewangan, pengurusan perniagaan serta khidmat profesional dan teknologi maklumat (IT) terulung di Kelantan.

Pengerusi kumpulan dan ketua eksekutifnya, Dr Wan Muhamad Hasni Wan Sulaiman, berkata ia juga diharap menjadi pemangkin kepada persediaan pembangunan ekonomi negeri ini untuk melangkah ke alaf baru pada tahun 2000.

Selain itu, katanya, ia diharap menjadi daya tarikan kepada pelabur asing untuk menanam modal di negeri ini di samping menjadi pusat menempatkan golongan usahawan terkenal dan yang baru menceburkan diri di bidang itu.

Menurutnya, keputusan Abrar membina wisma berkenaan bukanlah berasaskan kepada dorongan spekulasi dan bermotifkan keuntungan semata-mata, tetapi ia berasaskan kepada matlamat jangka panjang.

"Malah, ia adalah bukti komitmen kami terhadap arus pembangunan negeri ini sehingga melewati tahun 2000," katanya pada majlis perasmian Wisma Abrar International, di Kota Bharu, semalam.

Majlis itu disempurnakan Sultan Kelantan. Hadir sama, Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid.

Katanya, pada peringkat awal, wisma yang menjadi mercu tanda pembangunan Kelantan akan menumpukan usaha di bidang IT, pendidikan dan pengurusan perniagaan.

"Ini selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu melihat konsep Koridor Raya Multimedia (MSC) berkembang pesat di seluruh negara," katanya.

Menurut Dr Wan Muhammad Hasni, mengikut rancangan jangka panjang, Abrar akan mewujudkan pusat dan perkhidmatan IT yang dinamakan 'Akademi Infotek Kelantan', tidak lama lagi.

"Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan internet, telesidang, pejabat automasi dan latihan asas komputer serta multimedia," katanya.

Mengenai kesan kegawatan ekonomi yang dialami negara sekarang, beliau berkata ia tidak menghalang syarikat berkenaan daripada meneruskan rancangan yang dirangka sebelum ini.

(END)